KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEKSYEN PUJUT LEBUHRAYA PAN BORNEO

MIRI – Fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo sepanjang lebih 786 km merentasi bahagian utara Pulau Borneo hampir siap sepenuhnya. Hari ini satu lagi seksyen di bawah projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu Seksyen Pujut dibuka secara rasmi kepada orang ramai.

Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, **Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob bersama** Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg. Turut hadir adalah Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof.

Seksyen Pujut adalah seksyen yang dibina sepanjang 15.9 km di bawah Pakej Kontrak Kerja 11 (WPC11). Skop pembinaan di bawah Seksyen Pujut juga merangkumi pembinaan dua jejambat iaitu jejambat Lapangan Terbang Miri dan jejambat Pujut Link serta dua buah jambatan, iaitu jambatan Sungai Adong dan Sungai Miri.

Jejambat Pujut Link merupakan salah satu daripada empat jejambat iaitu Beluru, Bekenu dan Lapangan Terbang Miri yang dibina dengan panjang 605 meter. Dua lagi seksyen di bawah pakej ini ialah Seksyen Beluru dan Seksyen Lambir, yang masih lagi dalam proses pembinaan.

Anggaran kos keseluruhan projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di bawah Seksyen Pujut ini adalah RM470 juta. Seksyen Pujut ini mula dibina pada 1 November 2016 dan siap sepenuhnya pada 2 Julai 2022. Projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan ini mampu membantu menyuraikan trafik dari Lapangan Terbang Miri ke Kuala Baram yang memberi kemudahan kepada penduduk sekitar Emart Riam, Miri Sentral sehingga Permy Jaya untuk bergerak dengan lebih selesa dan selamat.

Pelaksanaan projek ini juga merupakan bukti komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rangkaian jalan raya sedia ada, secara lebih terancang, sistematik dan efisien. Ia juga dilakukan bagi meningkatkan kesalinghubungan Keluarga Malaysia di Sarawak.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
7 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL
Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur